



## KENYATAAN MEDIA

### SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

**LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI ADUAN  
AADK NEGERI SEMBILAN (SEREMBAN) MELEPASKAN PENAGIH YANG  
DIDAPATI POSITIF DADAH SEMASA OPERASI SERBUAN**

***UNTUK SIARAN SEGERA*  
10 JUN 2025**

---

Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan berhubung dakwaan berkaitan tindakan melepaskan beberapa individu yang didapati positif dadah semasa operasi serbuhan yang dijalankan di Kampung Felda LBJ, Labu, Negeri Sembilan pada 8 Mac 2023. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agenzi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

#### **HASIL SIASATAN**

Siasatan mendapati bahawa—

- (a) terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa beberapa individu yang didapati positif dadah semasa serbuhan tersebut telah dilepaskan, yang mana perbuatan tersebut merupakan kesalahan di bawah seksyen 221 Kanun Keseksaan; dan
- (b) beberapa orang pegawai AADK didapati tidak mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) AADK yang berkaitan semasa melaksanakan operasi tersebut.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk—

- (a) merujuk dapatan perlakuan jenayah kepada Pendakwa Raya menurut subperenggan 30(1)(c) Akta 700; dan
- (b) merujuk dapatan berkaitan kesalahan tatatertib oleh pegawai-pegawai AADK terlibat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib dengan syor hukuman tatatertib menurut subperenggan 30(1)(b) Akta 700.

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**

---

*Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.*